

# Putusan Mahathir ketuai UMNO Pahang disambut baik

**TEMERLOH, Selasa** — Pemimpin-pemimpin UMNO negeri ini menyambut baik keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih jawatan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Pahang.

Menurut mereka, walaupun ada tanda-tanda menunjukkan, pergolakan UMNO negeri ini tidak sehebat dulu dan keadaannya semakin reda tetapi adalah baik buat sementara waktu, Datuk Seri Dr. Mahathir selaku presiden parti mengambil alih jawatan itu.

Ketua Perhubungan UMNO Pahang sebelum ini, disandang oleh bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn.

Belliau mengambil alih jawatan tersebut dari bekas Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, Datuk Seri Hamzah Abu Samah, berikutan kekecohan yang timbul selepas pilihanraya lalu.

Dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO kelmarin, keputusan dicapai menyerahkan jawatan tersebut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir.

Kalangan pemimpin politik tempatan berpendapat, Menteri Besar, Haji Abdul Rahim Abu Bakar yang makin kukuh kedudukan politiknya walaupun bagaimanapun, patut dipertimbangkan bagi memegang jawatan itu sedikit masa lagi.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia